

Antara Kata Majmuk dengan Simpulan Bahasa



Pengguna bahasa Melayu kerap menghadapi pelbagai kemusykilan untuk memahami dan mempelajari bahasa Melayu dengan baik.

Salah satunya, termasuk juga kekeliruan antara kata majmuk dengan simpulan bahasa. Kemusykilan ini boleh berlaku kerana kedua-dua kata majmuk dan simpulan bahasa biasanya dibentuk oleh dua kata, seperti *jam tangan* dan *buah tangan*. *Jam tangan* merupakan kata majmuk, manakala *buah tangan* ialah simpulan bahasa.

Antara kemusykilan dalam persoalan ini termasuklah kurang memahami konsep kata majmuk dan simpulan bahasa, dan juga tidak dapat membezakan kata majmuk dengan simpulan bahasa yang spesifik. Contohnya, ada juga pengguna yang berpendapat bahawa kata majmuk seperti *anak bapa*, *orang-pukang*, *salah laku*, *tingkah laku* dan *zaman* ialah sebagai simpulan bahasa (Khidmat Nasihat,

<http://prpm.dbp.gov.my/>). Dalam hal ini, kita sedia maklum bahawa senarai tersebut bukanlah simpulan kata, tetapi kata majmuk.

Demikian juga ada yang beranggapan bahawa sebilangan simpulan bahasa yang berikut ini sebagai kata majmuk. Contohnya, *meninggal dunia*, *peredaran zaman*, *gaji pokok*, *jalan tengah*, *orang jemputan* dan *kakitangan*. Hal demikian berlaku kerana pengguna sudah begitu lazim dengan bentuk tersebut sehingga mereka tidak sedar bahawa kata majmuk tersebut ialah simpulan bahasa.

Takrif

Sebelum menjelaskan kemusykilan ini, elok difahami konsep kata majmuk dan simpulan bahasa terlebih dahulu. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2008), kata majmuk ialah perkataan yang dibentuk dengan

merangkaikan beberapa kata dasar; bentuk yang terhasil membawa makna tertentu, dieja terpisah dan bertindak sebagai satu unit, contohnya, kapal terbang, gambar rajah dan terima kasih.

Asraf (2007) dalam *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu* menjelaskan bahawa kata majmuk sebagai dua atau lebih patah kata dasar yang digabungkan untuk membentuk perkataan baharu yang padu atau sehati maknanya. Kata sebatian yang demikian dikenal sebagai kata majmuk. Sementara itu, Abdullah Hassan (2006) dalam bukunya *Morfologi* menerangkan kata majmuk sebagai bentuk binaan yang terdiri daripada dua atau lebih perkataan. Setiap perkataan itu boleh terdiri daripada kata tunggal atau terbitan.

Menurut Abdullah Hussain (1990) dalam *Kamus Simpulan Bahasa*, simpulan bahasa ialah perkataan atau kelompok kata yang tertentu untuk menunjukkan sesuatu maksud lain daripada ertinya yang lazim. *Kamus Dewan* (2015) mentakrifkan simpulan bahasa sebagai ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan atau lebih dan mempunyai makna yang berlainan daripada perkataan-perkataan yang membentuknya, contohnya, kaki ayam.

David Crystal (1993) pula dalam *The Cambridge Encyclopedia of Language* menerangkan simpulan bahasa (*idiom*) sebagai *a sequence of words that is a unit of meaning*. Hal tersebut bermaksud, simpulan bahasa ialah urutan perkataan yang mendukung satu unit makna. R.F. Palmer (1992) dalam *Semantics* berpendapat bahawa simpulan bahasa (*idiom*) ialah makna yang diambil keseluruhannya daripada perkataan-perkataan yang membentuknya.

Berdasarkan beberapa takrif yang dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa kedua-dua kata majmuk dan simpulan bahasa terdiri daripada dua perkataan atau lebih untuk membentuknya. Kedua-duanya juga tergolong sebagai kata majmuk dalam bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat ciri-ciri yang membezakan kata majmuk dengan simpulan bahasa. Walaupun dari segi bentuk, kedua-duanya ialah kata majmuk dan mempunyai banyak persamaannya, namun begitu, simpulan bahasa dan kata majmuk berbeza, khususnya dari aspek makna.

Perbezaan dan persamaan antara kata majmuk dengan simpulan bahasa

Pertama, seperti yang dijelaskan, kedua-dua kata majmuk dan simpulan bahasa termasuk dalam golongan kata majmuk. *Tatabahasa Dewan* (2008) membahagikan kata majmuk kepada tiga kelompok, seperti yang berikut:

(a) Kata majmuk yang terdiri daripada rangkaian kata bebas, seperti *jam tangan*

(b) Kata majmuk yang berbentuk istilah khusus, seperti *atur cara*

(c) Kata majmuk yang mendukung maksud kiasan, iaitu simpulan bahasa seperti *anak emas*

Kedua, kata majmuk dan simpulan bahasa lazimnya terbentuk oleh dua perkataan. Adakalanya, kedua-duanya terbentuk oleh tiga perkataan, seperti *alat pandang dengar* dan *anak sekeliling pengang*. Kebanyakan kata majmuk yang dibentuk oleh tiga perkataan atau lebih merupakan istilah dalam bidang-bidang tertentu dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, bilangan kata majmuk dan simpulan bahasa yang terdiri daripada tiga perkataan atau lebih tidaklah banyak berbanding dengan yang terbentuk oleh dua perkataan. Lihat beberapa contoh kata majmuk dan simpulan bahasa yang terdiri daripada lebih dua perkataan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 Kata majmuk dan simpulan bahasa lebih daripada dua perkataan.

Kata majmuk	Simpulan Bahasa
alat pandang dengar	tanah tumpah darah
pilihan raya umum	duri dalam daging
pembelajaran jarak jauh	dengan tangan terbuka
telefon dail terus	menarik nafas panjang
guru mata pelajaran	bertilam air mata
teka silang kata	sudah dimakan zaman
majlis terbuka puasa	conteng arang di muka

Sumber: *Kamus Dewan Edisi Keempat dan Kamus Simpulan Bahasa*

Selain itu, kedua-dua simpulan bahasa dan kata majmuk didapati dibentuk oleh kata tunggal dan juga kata terbitan. Perhatikan beberapa contoh kata majmuk dan simpulan bahasa yang terbentuk oleh kata tunggal dan kata terbitan dalam Jadual 2 yang berikut.

Kata majmuk dan simpulan bahasa tidak boleh disisipi oleh unsur lain

Kata lagi persamaan antara kata majmuk dengan simpulan bahasa adalah bahawa kedua-dua kata majmuk dan simpulan bahasa tidak boleh disisipi oleh unsur di antara kata yang membentuknya. Contohnya, dalam simpulan bahasa **besar kepala**, **kata besar** tidak boleh diberikan imbuhan menjadi **membesarkan** kepala. Walaupun disisipkan kata lain seperti **besar sungguh kepala**.

Jadual 2 Kata tunggal dan terbitan dalam kata majmuk dan simpulan bahasa.

Kata majmuk (kata tunggal)	Simpulan Bahasa (kata tunggal)	Kata majmuk (kata terbitan)	Simpulan Bahasa (kata terbitan)
anak sulung	anak angkat	cabutan bertuah	berbuat cabul
angin kencang	angin mati	cek berpaling	dalam kekeringan
bahasa pertama	bahasa dalam	gaji bulanan	potongan gaji
cek luput	cek kosong	pemikiran kritis	membalas jasa
ubah suai	darah panas	penyakit berbahaya	penyakit kelamin
filem panas	filem bisu	kilat petir	retak pertujuh
tali leher	tali barut	penyata kewangan	batu loncatan
atur cara	gaji buta	maklumat diri	melepaskan diri
peta minda	hak milik	api besar	dimakan api
mercu tanda	tanda bukti	separuh harga	separuh mati
kampung asal	kampung halaman	pakaian baharu	pakaian diri
ayam laga	cakar ayam	ilmu pengetahuan	percaturan wang

Sumber: Kamus Simpulan Bahasa dan Kamus Dewan Edisi Keempat

Jika terdapat unsur sedemikian, ungkapan itu tidak lagi menjadi simpulan bahasa.

Dalam hal berkaitan, Nathesan (2008) dalam Makna dalam Bahasa Melayu berpendapat bahawa simpulan bahasa ialah unit satuan yang tidak boleh dipisahkan. Ciri kesatuan ini menunjukkan bahawa ungkapan simpulan bahasa ialah unit satuan yang tidak boleh dipisah-pisahkan, iaitu ciri kata (Abdullah Hassan, 1986). Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa simpulan bahasa yang berimbuhan seperti **membanting tulang** dan **bermuka dua**. Simpulan bahasa tersebut sudah terbentuk dan digunakan sedemikian sejak zaman dahulu dengan mendukung makna kiasan.

Demikian juga, seperti simpulan bahasa, kata majmuk tidak boleh disisipi unsur lain di antara dua perkataan yang

membentuknya. Misalnya, dalam kata majmuk **sabun mandi** tidak boleh diselitkan kata lain seperti untuk menjadi sabun untuk **mandi**. Kalau berbuat demikian, maknanya sudah berubah daripada kata majmuk **sabun mandi**.

Makna dalam Kata Majmuk dan Simpulan Bahasa

Salah satu perbezaan yang ketara antara simpulan bahasa dengan kata majmuk ialah aspek makna dalam kedua-dua kelompok tersebut. Seperti yang dijelaskan pada awal makalah, makna simpulan bahasa ialah makna tersirat atau yang bersifat kiasan. Sementara itu, kata majmuk mendukung makna secara literal. Lihat Jadual 3 yang memuatkan beberapa kata majmuk yang mendukung makna literal, serta beberapa simpulan bahasa dengan makna kiasan.

Seperti yang dicatatkan dalam Jadual 3, kata majmuk mendukung makna secara literal, iaitu makna berdasarkan perkataan yang membentuknya. Contohnya, **lebu raya** mendukung maksud "jalan raya yang lebar". Selain itu, maknanya adalah berdasarkan hukum DM, iaitu konsep diterangkan dan yang menerangkan. Dalam kata majmuk lebu raya, **lebu** menjadi makna yang diterangkan oleh raya, manakala kata **raya** ialah kata yang menerangkan **lebu**.

Halnya berbeza dengan simpulan bahasa. Makna simpulan bahasa diambil berdasarkan ungkapan dalam simpulan

bahasa secara keseluruhan, bukannya berdasarkan perkataan-perkataan dalam simpulan bahasa. Misalnya, **berkaki ayam** bukanlah bermaksud kaki seperti yang dimiliki oleh seekor ayam, tetapi maknanya disampaikan secara kiasan, iaitu tidak memakai kasut.

M.A.K. Haliday (2004) dalam *Perspectives in Lexicology and Corpus Linguistics* mengkategorikan simpulan bahasa sebagai ungkapan tetap (*fixed expression*), dan dengan demikian maknanya tidak boleh difahami daripada perkataan-perkataan yang terdapat dalam ungkapan tersebut. David Crystal (1999) pula dalam *The Cambridge Encyclopedia of English Language*

Jadual 3 Makna dalam Kata Majmuk dan Simpulan Bahasa.

Kata majmuk	Makna literal
Lebu raya	Jalan raya utama yang lebar.
Jalur lebar	Jalur yang mempunyai julat frekuensi yang besar.
Mata pelajaran	Jenis ilmu pengetahuan yang diajarkan di sekolah atau maktab.
Carta palang	Sejenis gambar rajah yang menggunakan jalur yang sama lebar secara menegak atau mendatar untuk mewakili maklumat atau data.
Tanda aras	Piawai yang digunakan untuk membandingkan prestasi.
Simpulan bahasa	Makna kiasan
Makan suap	Menerima wang sogok.
Makan gaji	Bekerja untuk mendapat upah.
Makan besar	Jamuan makan dan minum yang besar.
Cari makan	Bekerja untuk mencari nafkah.
Makan sumpah	Kena kutuk.
ayam laga	cakar ayam

Sumber: Kamus Simpulan Bahasa dan Kamus Dewan Edisi Keempat

menjelaskan bahawa terdapat dua ciri utama bagi simpulan bahasa (*idiom*). Yang pertama, makna simpulan bahasa tidak boleh ditentukan dengan meneliti makna dalam konstituen perkataannya. Kedua, ungkapan tersebut adalah tetap secara nahu dan leksis. Dengan hal yang demikian, tidak boleh digantikan dengan perkataan lain untuk membawa maksud simpulan yang sama.

Dalam peredaran masa, bilangan kata majmuk yang terbentuk dalam bahasa Melayu bertambah dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan bahasa Melayu. Sebaliknya, bilangan simpulan bahasa pula merupakan bilangan yang agak statik. Bilangan simpulan bahasa tidak akan bertambah kerana tidak ada ciptaan simpulan bahasa baharu dalam bahasa Melayu. Simpulan bahasa merupakan mutiara bahasa yang dicipta masyarakat Melayu tradisi pada zaman dahulu dan diturunkan secara turun-temurun dalam kalangan masyarakat.

Akhir kalam, walaupun kedua-dua kata majmuk dan simpulan tergolong sebagai kata majmuk, terdapat ciri-ciri yang membezakan kedua-duanya, khususnya dari aspek maknanya. Mudah-mudahan perbincangan ini akan membantu pengguna bahasa Melayu, khususnya pelajar untuk memahami konsep kata majmuk dan simpulan bahasa dengan jelas. Selain itu, diharapkan tidak lagi timbul kemusykilan tentang simpulan bahasa dan kata majmuk yang terdapat dalam bahasa Melayu. Jadi, berhati-hatilah apabila berhadapan dengan kata majmuk dan simpulan yang terdapat dalam bahasa Melayu. DB